



Kelantan sasar tingkat pemilikan sijil halal dalam kalangan pengusaha makanan

17 cawangan Nasken Coffee terima Pengesahan Sijil Halal Malaysia

Guru pondok tunjang lahir generasi berilmu dan berakhlak

Laluan TVET antarabangsa terbuka, Kelantan hantar sepuluh pelajar ke Korea

Islam perlu jadi asas segenap aspek kehidupan - MB Kelantan

Oleh: Asri Hamat

KUALA LUMPUR, 13 Julai — Islam hendaklah dijadikan asas dalam segenap aspek kehidupan termasuk dalam pembinaan diri, institusi keluarga, masyarakat serta urusan mentadbir negeri dan negara, kata Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud.

Beliau berkata, ajaran Islam perlu sentiasa dijadikan panduan dalam setiap tindakan dan tanggungjawab yang dipikul bagi memastikan pembangunan yang dilaksanakan berteraskan nilai, integriti dan keberkatan.

"Panduan Islam hendaklah sentiasa dijadikan pedoman walau dalam apa juga keadaan dan tanggungjawab yang dipikul," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menghadiri Majlis Ramah Mesra Pimpinan Parlimen Pasir Mas bersama Warga Kelantan di Perantauan di Dewan IWK Ecopark,



Lembah Pantai, di sini, pada Sabtu.

Turut hadir Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud, Ahli Parlimen Pasir Mas YB Ahmad Fadli Shaari, Ahli Dewan Negeri Pengkalan Pasir YB Mohamad Nasriff Daud, Ahli Dewan Negeri Tendong YB Rozi Muhamad serta Pengarah Urus setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) Razuan Awang Hamad.

Dalam pada itu, Dato' Mohd Nassuruddin turut mengingatkan anak Kelantan di perantauan agar terus menyemai semangat hubbul watan atau cintakan tanah air walau di mana mereka berada.

"Walaupun di mana kita berada, semangat hubbul watan jangan sesekali luntur. Semoga kecintaan kepada tanah air terus subur dalam jiwa kita, sekali gus menjadi pemangkin untuk meneruskan legasi Membangun Bersama Islam demi kesejahteraan negeri yang kita cin-

“Walaupun di mana kita berada, semangat hubbul watan jangan sesekali luntur. Semoga kecintaan kepada tanah air terus subur dalam jiwa kita, sekali gus menjadi pemangkin untuk meneruskan legasi Membangun Bersama Islam demi kesejahteraan negeri yang kita cintai,”

tai,” katanya di media sosial, pada Ahad.

Majlis tersebut turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti sukaneka dan Liga Penalti yang menjadi wadah mengeratkan ukhuwah serta silaturahim dalam kalangan anak Kelantan di perantauan.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang menjayakan program berkenaan dan berharap ukhuwah yang terjalin akan terus diperkasakan demi manfaat bersama.



Kelantan sasar tingkat pemilikan sijil halal dalam kalangan pengusaha makanan



Oleh: Syamimi Manah

KUBANG KERIAN, 15 Julai — Kerajaan Negeri Kelantan menyasarkan peningkatan pemilikan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) dalam kalangan pengusaha dan premis makanan sebagai langkah memperkukuh ekosistem industri halal negeri serta meningkatkan keyakinan pengguna terhadap produk dan perkhidmatan yang ditawarkan.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata usaha tersebut menjadi antara agenda utama kerajaan negeri menerusi Majlis Pembangunan Industri Halal Negeri Kelantan yang telah mengadakan mesyuarat pertamanya pada tahun ini.

Menurutnya, majlis berkenaan turut menggariskan beberapa strategi bagi memperkasakan industri

halal negeri selaras dengan usaha di peringkat Persekutuan, khususnya dalam meningkatkan kesedaran serta jumlah pemilikan SPHM.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Penyerahan Sijil Pengesahan Halal Malaysia kepada 17 cawangan Nasken Coffee yang disempurnakan Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud di Nasken Coffee Pasir Tumboh, hari ini.

YB Mohd Asri berkata kejayaan Nasken Coffee memperoleh SPHM bagi 17 cawangannya wajar dijadikan contoh oleh pengusaha lain untuk memastikan operasi perniagaan memenuhi piawaian halal yang ditetapkan.

"Alhamdulillah pada hari ini Nasken dengan 17 cawangan telah mendapat SPHM. Ini satu kejayaan dari sudut penyebaran kesedaran halal dan kita mengucapkan tahniah kepada Nasken kerana berusaha memastikan semua cawangan mereka memperoleh sijil halal," katanya.

Beliau berkata tanggapan bahawa sesebuah premis tidak memerlukan sijil halal kerana masyarakat sudah mengetahui status halal makanan yang dijual perlu diubah memandangkan SPHM kini menja-

di penanda aras penting dalam meningkatkan keyakinan pengguna.

"Sebenarnya dengan adanya SPHM, ia akan memberi peningkatan dari sudut keyakinan pelanggan untuk datang ke kedai dan memberikan sokongan yang lebih padu," katanya.

Menurutnya, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) menjadikan peningkatan pemilikan SPHM sebagai antara sasaran utama dalam memperkukuh ekosistem industri halal negeri.

Katanya proses mendapatkan SPHM melibatkan penilaian menyeluruh terhadap aspek premis, produk, bahan mentah serta pengu- rusan pekerja sebelum sijil diluluskan.

"Sekiranya semua syarat dipenuhi dan premis bersedia mematuhi garis panduan yang ditetapkan, permohonan SPHM boleh diselesaikan dalam tempoh 30 hari.

"Isu kelewatan biasanya bukan daripada proses pengeluaran sijil, tetapi lebih kepada kesediaan premis itu sendiri. Ada yang perlu membuat penambahbaikan atau menaik taraf premis terlebih dahulu," ujarnya.

Beliau berkata kerajaan negeri melalui Bahagian Halal JAHEAIK turut menyediakan khidmat bimb-

gan dan garis panduan kepada pengusaha bagi memudahkan proses permohonan SPHM.

Mengulas mengenai premis yang masih belum memiliki sijil halal, beliau berkata pihak berkuasa akan menjalankan penelitian dan siasatan sekiranya menerima aduan atau maklumat berkaitan.

Pada masa sama, beliau menegaskan usaha memperkukuh industri halal memerlukan komitmen bersama daripada pengusaha, pihak berkuasa dan masyarakat kerana konsep halal bukan hanya tertumpu kepada pensijilan, malah meliputi aspek kebersihan, kesucian dan etika dalam penyediaan makanan.

"Kita tidak mahu semata-mata kerana mengejar keuntungan, elemen syariah itu diketepikan. Apabila kita menjaga aspek halal dengan betul, insya Allah ia akan memberi keberkatan dan rezeki yang lebih luas," katanya.

Beliau menegaskan perubahan persepsi terhadap kepentingan SPHM perlu terus dipupuk dalam kalangan pengusaha premis makanan supaya sijil halal menjadi amalan standard industri yang mampu meningkatkan daya saing perniagaan serta mengukuhkan kedudukan Kelantan sebagai hab industri halal yang diyakini.

Kelantan-JWN bincang kerjasama usaha inskripsi Wayang Kulit Kelantan



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 14 Julai - Kerajaan Negeri Kelantan dan Jabatan Warisan Negara (JWN) mengadakan perbincangan bagi memperkukuh kerjasama strategik dalam usaha menyenaraikan Wayang Kulit Kelantan di bawah Senarai Perwakilan Warisan Kebudayaan Tidak Ketara Kemanusiaan UNESCO, selain meneliti perkembangan status Resolusi Perlindungan Warisan Budaya Tidak Ketara negeri itu.

Perbincangan berkenaan berlangsung menerusi kunjungan hormat JWN yang diketuai Ketua Pengarahnya Mohamad Muda Bahadin ke pejabat Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamaruddin Md Nor di Mabna Kompleks Kota Darulnaim, pada Isnin.

YB Datuk Kamaruddin berkata perbincangan itu adalah sebahagian daripada usaha berterusan untuk memelihara, memartabatkan dan memastikan kelangsungan Wayang Kulit Kelantan sebagai khazanah warisan yang mempunyai nilai sejarah, seni dan identiti yang tinggi.

Katanya, pemeliharaan warisan budaya tidak ketara itu juga memainkan peranan penting dalam memperkukuh sektor pelancongan budaya di Kelantan.

"Semoga segala usaha yang

dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya demi memastikan warisan berharga ini terus dipelihara, dihargai dan diwarisi oleh generasi akan datang," katanya menerusi media sosial, pada Isnin.

Sementara itu, JWN dalam hantaran di media sosial memaklumkan warisan bukan sekadar tinggalan masa lalu, sebaliknya lambang jati diri, identiti dan khazanah bangsa yang perlu dipelihara agar terus diwarisi oleh generasi akan datang.

Menurutnya, dalam era pembangunan dan kemajuan yang semakin pesat, usaha memelihara warisan budaya menjadi tanggungjawab bersama supaya nilai, ilmu dan tradisi yang diwariskan tidak luput ditelan zaman.

"Jabatan Warisan Negara sentiasa komited memastikan setiap warisan negara, sama ada yang ketara

mahupun tidak ketara, terus dipelihara, didokumentasikan, dilindungi dan dipromosikan agar kekal relevan serta dihargai oleh masyarakat.

"Warisan yang dipelihara hari ini merupakan legasi yang akan menjadi kebanggaan generasi akan datang," katanya.

Tambahnya, sinergi erat antara jabatan itu dan Kerajaan Negeri Kelantan diyakini mampu memperkukuh usaha memartabatkan warisan negeri di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, sekali gus memastikan seni, budaya dan warisan yang tidak ternilai terus hidup, berkembang serta tidak lapuk ditelan arus pemodenan.

Turut hadir, Pengarah Bahagian Warisan Tidak Ketara JWN Dr Eyo Leng Yan, pegawai JWN serta wakil Kerajaan Negeri Kelantan.

17 cawangan Nasken Coffee terima Pengesahan Sijil Halal Malaysia

Oleh: Syamimi Manah

KUBANG KERIAN, 15 Julai – Sebanyak 17 daripada 43 cawangan Nasken Coffee hari ini menerima Pengesahan Sijil Halal Malaysia dalam satu majlis yang berlangsung di Nasken Coffee Pasir Tumboh, hari ini.

Majlis penyerahan sijil tersebut telah disempurnakan oleh Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud.

Dato' Mohd Nassuruddin merakamkan ucapan tahniah kepada Nasken Internasional Sdn. Bhd. atas komitmen syarikat dalam memperoleh pensijilan halal yang diiktiraf sebagai antara pensijilan halal paling berprestij di dunia.

Beliau berkata, pensijilan halal bukan sekadar memastikan makanan dan minuman yang disajikan mematuhi syariat Islam bahkan memenuhi konsep halalan tayyiban, iaitu makanan yang bersih, berkualiti dan tidak memudaratkan pengguna.

"Sijil Halal Malaysia sangat penting kerana ia memastikan setiap makanan dan minuman yang disediakan bukan sahaja halal tetapi juga halal lagi baik. Proses pengeluaranannya pula melalui penelitian yang sangat teliti, sekali gus menjadikan pensijilan halal Malaysia antara yang paling diyakini di dun-



ia," katanya.

Beliau turut memuji usaha Nasken mendapatkan pensijilan halal dan berharap kejayaan itu menjadi pemangkin kepada lebih banyak syarikat untuk mengikuti langkah yang sama.

Menurutnya, bidang perniagaan merupakan antara sumber rezeki yang besar sebagaimana dianjurkan dalam Islam, justeru beliau menggalakkan lebih ramai orang Islam, khususnya anak muda dan rakyat Kelantan, menceburi bidang keusahawanan sehingga mampu mencapai kejayaan.

"Saya mengucapkan tahniah kepada Nasken atas usaha yang sangat baik ini. Semoga Nasken terus berkembang bukan sahaja di Kelantan, malah ke seluruh negara dan seterusnya menembusi pasaran antarabangsa," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Nasken Internasional

Sdn. Bhd. Mohd Nazif Ab Aziz, berkata penerimaan pensijilan halal itu merupakan hasil usaha berterusan syarikat yang bermula sejak tahun 2022.

Beliau berkata, proses mendapatkan pensijilan tersebut mengambil masa yang panjang kerana melibatkan pematuan menyeluruh terhadap standard Halal Malaysia.

"Alhamdulillah, ketika ini Nasken mempunyai 43 cawangan di seluruh negara. Hari ini sebanyak 17 cawangan telah menerima Sijil Halal Malaysia dan kami menyasarkan baki cawangan akan memperoleh pensijilan halal sebelum Oktober tahun ini," katanya.

Mohd Nazif berkata, pensijilan halal yang diterima melibatkan operasi premis Nasken Coffee merangkumi kilang, gudang penyimpanan serta kenderaan logistik syarikat bagi memastikan keseluruhan rantai operasi mematuhi

piawaian yang ditetapkan.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Kelantan, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta semua agensi yang terlibat dalam membantu menjayakan proses pensijilan tersebut.

Katanya, pengiktirafan itu menjadi satu detik bermakna buat Nasken dalam memperkukuhkan keyakinan pengguna terhadap kualiti, kebersihan dan integriti setiap produk yang ditawarkan, di samping menjadi pemangkin kepada perkembangan syarikat pada masa hadapan.

Turut hadir, Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Daud, Ahli Dewan Negeri (ADN) Pasir Tumboh YB Dato' Abd Rahman Yunus.



53 projek sakit direkod, Dato' Siti Zailah minta penjelasan kerugian kerajaan



Oleh: Asri Hamat

KUALA LUMPUR, 15 Julai — Ahli Parlimen Rantau Panjang YB Dato' Siti Zailah Mohd Yusoff meminta Kementerian Kerja Raya menjelaskan jumlah projek sakit dan projek terbengkalai di seluruh negara sehingga suku pertama 2026 termasuk nilai keseluruhan projek serta kerugian kewangan yang ditanggung kerajaan akibat

kelewatan dan kegagalan kontraktor menyiapkan projek mengikut jadual.

Menjawab soalan bertulis tersebut, Menteri Kerja Raya YB Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata sebanyak 53 projek di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya (JKR) dikategorikan sebagai projek sakit setakat suku pertama tahun ini, mewakili 6.81 peratus daripada keseluruhan projek yang sedang dalam pembinaan.

Beliau berkata, pada masa sama tiada projek di bawah seliaan JKR dikategorikan sebagai projek terbengkalai.

Menurutnya, daripada 53 projek sakit itu, sebanyak 17 projek telah

ditamatkan kontrak.

"Kerugian dalam bentuk kewangan tidak dapat ditentukan, namun secara amnya terdapat kerugian dari aspek masa dan manfaat yang sepatutnya diterima oleh rakyat," katanya.

Beliau menjelaskan penentuan kerugian kewangan akibat kelewatan atau kegagalan kontraktor tidak dapat dibuat kerana ia bergantung kepada pelbagai pertimbangan dan andaian.

Mengulas lanjut, beliau berkata JKR sedang menyelaras tindakan melantik kontraktor penyiap bagi menyiapkan baki kerja untuk 17 projek yang kontraknya telah ditamatkan.

Katanya, semua projek berkenaan diuruskan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PK) 4.5 berkaitan Tatacara Pengurusan Projek Sakit dan Pelantikan Kontraktor Penyiap bagi Projek Sakit.

"Tuntutan terhadap sebarang perbelanjaan tambahan yang ditanggung oleh kerajaan diuruskan berdasarkan peruntukan kontrak serta dasar kerajaan yang sedang berkuat kuasa," jelasnya.

Beliau juga memaklumkan langkah tersebut diambil bagi memastikan semua projek yang terjejas dapat disiapkan secara teratur supaya manfaatnya dapat dinikmati rakyat secepat mungkin.

LRA Chicha 2 capai 97 peratus kemajuan, beroperasi sepenuhnya September ini

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 12 Julai – Loji Rawatan Air (LRA) Chicha 2 di Pasir Hor dengan kapasiti bekalan air bersih sebanyak 20 juta liter sehari (JLH) kini telah mencapai 97 peratus kemajuannya dan dijangka beroperasi sepenuhnya pada September ini.

Sehubungan itu, Exco Kerajaan, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Dato' Dr Izani Husin berkata projek bernilai kira-kira RM55 juta itu kini berada pada peringkat akhir pembinaan dengan proses percubaan operasi (test run) sedang dijalankan.

Menurutnya, loji berkenaan menggunakan sumber air mentah daripada telaga yang digali melebihi 100 meter, sekali gus menghasilkan air mentah berkualiti dengan kandungan besi (iron) dan mangan yang rendah.

“Setakat hari ini projek siap 97 peratus. Yang belum siap hanya dari sudut mekanikal seperti jalan, pagar dan lain-lain, manakala sistem air semuanya sudah siap.



“Air yang dikeluarkan daripada LRA Chicha 2 juga menepati kehendak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan berkualiti,” katanya kepada media selepas mengadakan lawatan kerja di LRA Chicha 2 di Pasir Hor, hari ini.

Menurutnya lagi, loji itu mempunyai hampir 10,000 akaun pengguna, namun kira-kira 2,000 akaun tidak aktif berikutan masalah bekalan air yang tidak mencukupi sebelum ini.

Beliau optimis, berdasarkan hasil percubaan operasi yang sedang dijalankan, bekalan air kini didapati sudah dapat disalurkan dengan lebih baik ke kawasan yang sebelum ini berdepan masalah

bekalan.

“Apabila LRA Chicha 2 beroperasi sepenuhnya kelak, masalah bekalan air di Jalan Pasir Putih, Telipot, Pasir Hor, Mulong, Bandar Baru Tunjung, Salor dan Aur Duri dijangka dapat diatasi. Setelah loji ini beroperasi, saya jangka 2,000 akaun yang ditutup atau tidak aktif akan disambung semula dan mana-mana penduduk yang belum mempunyai akaun juga akan membuat permohonan kerana kuantiti air mencukupi serta kualitinya baik,” jelasnya.

Mengulas kelebihan loji berkenaan, beliau berkata LRA Chicha 2 dijangka dapat menjimatkan penggunaan tenaga elektrik berbanding



loji lain kerana hanya menggunakan air bawah tanah yang dipam terus ke tangki tanpa perlu menyedut air dari lokasi yang jauh.

Selain itu, katanya, loji berkenaan turut menggunakan sistem penapisan baharu yang lebih canggih dan pertama kali digunakan.

Dato' Dr Izani turut menjelaskan bahawa kerajaan negeri menyasarkan isu sumber air dapat diselesaikan sepenuhnya menjelang 2030.

Tambahnya, berdasarkan kajian yang dijalankan, kapasiti pengeluaran air bersih di Kelantan dijangka mencecah kira-kira 800 juta liter sehari menjelang 2030, berbanding anggaran keperluan penduduk sekitar 600 juta sehari.

Guru pondok tunjang lahir generasi berilmu dan berakhlak



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 12 Julai — Guru dan warga pendidik merupakan tunjang utama dalam melahirkan generasi yang berilmu, berakhlak serta mampu mendepani cabaran semasa tanpa mengabaikan nilai-nilai Islam.

Sehubungan itu, Exco Kerajaan Negeri Kelantan YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, profesionalisme guru dan kakitangan institusi pengajian pondok perlu terus diperkasa bagi memas-

tikan kecemerlangan pendidikan Islam dapat dipertahankan seiring keperluan semasa.

“Guru dan warga pendidik merupakan tunjang utama dalam melahirkan generasi yang berilmu, berakhlak dan mampu menghadapi cabaran semasa tanpa mengabaikan nilai-nilai Islam,” katanya di laman rasmi, semalam.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Kursus Peningkatan Profesionalisme Guru dan Kakitangan Pusat Pengajian Pondok Yayasan Islam Kelantan (YIK)



atau Latihan Dalam Perkhidmatan (LADAP) Tahun 2026 yang berlangsung di Sudara Beach Resort, Kuala Telong pada 10 hingga 11 Julai.

Menurutnya, usaha meningkatkan kompetensi dan profesionalisme warga pendidik perlu dilaksanakan secara berterusan supaya institusi pengajian pondok terus berkembang sebagai institusi pendidikan yang relevan tanpa mengorbankan identiti pendidikan Islam.

“Usaha memperkukuhkan profesionalisme pendidik perlu sentia-

sa diperkasa agar institusi pondok terus kekal relevan dan cemerlang,” katanya.

Beliau memaklumkan, penganjuran kursus seperti LADAP menjadi platform strategik untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran serta budaya kerja profesional dalam kalangan guru dan kakitangan Pusat Pengajian Pondok YIK.

Tambahnya, pembangunan modal insan yang berkualiti memerlukan warga pendidik sentiasa memperbaharui ilmu, memperkukuh kemahiran dan menyesuaikan pendekatan pengajaran dengan keperluan semasa tanpa mengabaikan nilai serta tradisi pendidikan Islam.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada pihak penganjur atas komitmen menjayakan program berkenaan serta mengucapkan tahniah kepada semua peserta yang menunjukkan kesungguhan sepanjang mengikuti kursus tersebut.

Politik ialah maraton bukan pecutan, anak muda perlu fahami sistem negara –YB Nik Bahrum

Oleh: Syamimi Manah

PENGKALAN CHEPA, 12 Julai – Ahli Dewan Negeri (ADN) Chempaka YB Nik Bahrum Nik Abdullah menegaskan bahawa politik merupakan satu perjalanan jangka panjang yang menuntut kesabaran, prinsip dan istiqamah, bukannya sekadar mengejar populariti atau kejayaan dalam tempoh singkat.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan pesanan kepada peserta dalam pertemuan bersama Beliawanis DUN Chempaka di Volt Coffee, di sini, semalam.

Menurutnya, sesiapa yang bercita-cita menceburi dunia politik perlu melihat perjuangan itu sebagai satu maraton yang memerlukan daya tahan, bukannya larian pecut yang hanya mementingkan permulaan.

“Politik ialah maraton. Perjalanan politik tidak diukur pada siapa yang paling laju bermula, tetapi pada siapa yang mampu bertahan, memegang prinsip dan terus berkhidmat apabila sorakan sudah semakin perlahan,” katanya di laman rasmi, hari ini.

Beliau berkongsi pengalaman,



ramai individu memasuki dunia politik dengan semangat tinggi, namun tidak mampu bertahan kerana terlalu mengejar jawatan sehingga mengabaikan prinsip perjuangan.

Jelasnya, perubahan yang sebenar tidak berlaku dalam sekelip mata sebaliknya dibina secara berperingkat melalui ilmu, pengalaman, kesabaran dan istiqamah.

Dalam pada itu, YB Nik Bahrum turut menggesa golongan muda agar tidak meminggirkan politik meskipun tidak bercita-cita menjadi wakil rakyat kerana setiap dasar yang memberi kesan kepada kehidupan rakyat lahir daripada keputusan politik.

Beliau menjelaskan, dasar pendidikan, pengurusan kewangan negara, pembinaan hospital, jalan

raya dan pelbagai kemudahan awam ditentukan melalui proses pentadbiran dan penggubalan dasar oleh kerajaan.

“Negara ini tidak kekurangan anak muda yang bersemangat. Yang masih kurang ialah anak muda yang memahami sistem. Semangat tanpa ilmu mudah diperalatkan, manakala ilmu tanpa semangat pula jarang membawa perubahan,” jelasnya.

Beliau turut menekankan kepentingan rakyat memahami pembahagian kuasa antara badan perundangan, eksekutif dan kehakiman, selain peranan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan bagi memastikan setiap isu disalurkan kepada pihak yang mempunyai bi-

dang kuasa.

Sebagai contoh, beliau berkongsi pengalaman menerima aduan daripada peniaga pasar berhubung Cukai Perkhidmatan (SST), namun menjelaskan bahawa perkara tersebut berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan diputuskan melalui proses di Parlimen.

Sehubungan itu, beliau yang juga Timbalan Exco Kerajaan Negeri Kelantan berpandangan bahawa pendidikan sivik dan kefahaman mengenai sistem pemerintahan perlu terus diperkasakan agar masyarakat, khususnya generasi muda mampu menjadi warganegara yang lebih berpengetahuan serta berupaya menyumbang kepada pembangunan negara secara berkesan.

Pesakit kronik di DUN Pulau Chondong disantuni

Oleh: Irham Hilmi Hashim

MACHANG, 14 Julai – Sejumlah 11 pesakit kronik di DUN Pulau Chondong disantuni Ahli Dewan Negeri (ADN) Pulau Chondong YB Azhar Salleh dengan sumbangan sekali beri daripada Kerajaan Negeri Kelantan sebagai usaha meringankan beban mereka yang berdepan masalah kesihatan.

Majlis penyampaian Bantuan One-off Sakit Kronik tersebut berlangsung di Pusat Khidmat DUN Pulau Chondong, Machang, pada 10 Julai.

YB Azhar berkata, bantuan itu membuktikan komitmen berterusan kerajaan negeri dalam memastikan golongan pesakit kronik terus mendapat perhatian dan pembelaan sewajarnya.

Menurutnya, terdapat dalam kalangan penerima yang terlan-



akibat penyakit, kehilangan kaki ketika masih berusia sekitar 20-an akibat komplikasi diabetes yang dihidapi sejak berumur 12 tahun.

“Semoga Allah SWT mengur-

niakan kesembuhan kepada semua pesakit serta memberikan kekuatan dan kesabaran kepada mereka dan ahli keluarga,” katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau turut berharap inisiatif kebajikan seperti itu dapat diteruskan agar lebih ramai rakyat yang memerlukan terus menerima manfaat daripada Kerajaan Negeri.

Laluan TVET antarabangsa terbuka, Kelantan hantar sepuluh pelajar ke Korea



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 15 Julai — Kelantan mencipta sejarah apabila sepuluh pelajar anak negeri dipilih sebagai kumpulan perintis mengikuti pengajian Diploma Kejuruteraan Mekanikal di Dongyang Mirae University, Seoul sekali gus membuka laluan TVET bertaraf antarabangsa kepada generasi muda negeri ini.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata peluang berkenaan direalisasikan menerusi Memorandum Persefahaman (MoU) antara Yayasan Islam Kelantan (YIK) dan Dongyang Mirae University yang dimeterai semasa lawatan

kerja delegasi Kerajaan Negeri ke Republik Korea pada 7 hingga 12 Julai lalu.

Menurutnya, kerjasama strategik itu menjadi pemangkin kepada peluasan akses pendidikan dan latihan teknikal serta vokasional (TVET) bertaraf antarabangsa untuk anak-anak Kelantan.

“Melalui kolaborasi strategik ini, Yayasan Islam Kelantan akan menghantar kumpulan perintis sebanyak sepuluh pelajar anak tempatan untuk menyambung pengajian di peringkat Diploma Kejuruteraan Mekanikal selama tiga tahun di Dongyang Mirae University, Seoul.

“Bagi menyokong kebajikan para pelajar, pihak universiti turut menyediakan kemudahan penginapan secara percuma sepanjang tempoh pengajian,” katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri di Kota Darulnaim, hari ini.

Beliau berkata program diploma tersebut menggabungkan pembelajaran teori dengan latihan praktikal intensif bagi membolehkan pelajar memperoleh pendedahan secara

langsung kepada standard industri pembuatan di Republik Korea.

Menurutnya, setiap pelajar akan menerima kemudahan pinjaman boleh ubah daripada Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN) dengan nilai tajaan dianggarkan RM130,000 bagi tempoh tiga tahun pengajian.

Katanya, kumpulan perintis itu dijangka berlepas ke Republik Korea pada minggu terakhir Ogos 2026 sebelum memulakan sesi pengajian pada awal September 2026.

Dalam perkembangan sama, Dato' Wan Roslan memaklumkan, satu lagi Memorandum Persefahaman turut dimeterai antara YIK dan Korea Aviation Technical Academy (KATA) bagi membuka peluang latihan teknikal dalam bidang penyelenggaraan pesawat.

Menurutnya, kerjasama tersebut memperlihatkan komitmen Kerajaan Negeri untuk memperluas pilihan pendidikan berkemahiran tinggi selaras dengan keperluan industri global.

“Bagi menjamin kesinambungan akademik jangka panjang, delegasi turut mengadakan tinjauan

serta perbincangan strategik bersama Hanyang University ERICA bagi meneroka peluang dan menyediakan laluan terus kepada pelajar Kelantan menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda selepas menamatkan diploma,” jelasnya.

Selain itu, delegasi kerajaan negeri turut mengadakan kunjungan hormat ke Kedutaan Besar Malaysia di Republik Korea bagi memperkukuh jaringan kerjasama serta memastikan kebajikan pelajar sentiasa terpelihara sepanjang mengikuti pengajian di negara berkenaan.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada YIK, YAKIN, Persatuan Alumni Graduan Institusi Korea Kebangsaan (AGIKO) serta semua pihak yang menjayakan misi pendidikan tersebut.

Katanya, inisiatif berkenaan dijangka menjadi pemangkin kepada pembangunan modal insan Kelantan dengan melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi, berdaya saing dan memenuhi keperluan industri berteknologi tinggi di peringkat antarabangsa.

667 armalah Pulai Chondong terima sumbangan kerajaan negeri

Oleh: Irham Hilmi Hashim

MACHANG, 14 Julai – Sebanyak 667 armalah di DUN Pulai Chondong menerima sumbangan daripada Kerajaan Negeri Kelantan sebagai tanda keprihatinan dan sokongan berterusan terhadap golongan tersebut dalam menghadapi cabaran kehidupan.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Pulai Chondong YB Azhar Salleh berkata, golongan armalah sentiasa diberikan perhatian oleh Kerajaan Negeri menerusi pelbagai inisiatif dan bantuan yang dilaksanakan bagi membantu meringankan beban mereka.

Menurutnya, sumbangan yang disampaikan bukan sekadar bantuan kebajikan, malah menjadi manifestasi bahawa golongan armalah sentiasa berada dalam perhatian dan ingatan kerajaan.

“Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat kebajikan warga armalah melalui pelbagai bentuk



inisiatif dan bantuan yang dilaksanakan dari semasa ke semasa.

“Semoga sumbangan yang diberikan dapat membantu menampung sedikit beban para penerima, khususnya dalam keadaan ekonomi yang mencabar ketika ini,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Majlis penyampaian sumbangan tersebut telah berlangsung di Markas Dewan Ulama (MADU), Machang, pada 5 Julai.

Tambahnya, usaha menyantuni golongan armalah perlu diteruskan

secara berterusan kerana mereka merupakan antara kelompok masyarakat yang memerlukan sokongan daripada pelbagai pihak.

Katanya lagi, keprihatinan terhadap kebajikan armalah bukan sahaja dapat membantu memenuhi keperluan asas mereka, malah menjadi suntikan semangat untuk terus tabah meneruskan kehidupan.

Dalam pada itu, beliau berharap semua penerima terus diberikan kekuatan dan kesabaran dalam menghadapi ujian kehidupan.

“Semoga para armalah terus cekal dan tabah dalam meneruskan kehidupan, di samping sentiasa dikurniakan kesihatan, ketenangan serta dipermudahkan segala urusan oleh Allah SWT,” katanya.

Beliau turut berharap agenda kebajikan yang dilaksanakan Kerajaan Negeri dapat terus memberi manfaat kepada golongan yang memerlukan, sekali gus memperkukuh budaya prihatin dan saling membantu dalam kalangan masyarakat.



Penyertaan tiga negara angkat kejohanan seni suara burung ke pentas serantau

Oleh: Irham Hilmi Hashim

PASIR PUTEH, 12 Julai — Penyertaan peserta dari Thailand, Brunei dan Singapura membuktikan Kejohanan Seni Suara Burung Ketitir dan Terkukur Peringkat Parlimen Pasir Puteh semakin mendapat pengiktirafan di peringkat serantau, sekali gus mengangkat Kelantan sebagai destinasi penganjuran acara komuniti berimpak tinggi.

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor berkata sambutan menggalakkan daripada peserta luar negara menunjukkan kejohanan berkenaan mempunyai potensi besar untuk diketengahkan sebagai produk pelancongan berasaskan komuniti.

“Penganjuran acara seperti ini bukan sahaja mengeratkan silaturahim dalam kalangan penggemar seni suara burung, malah memperkukuhkan kalendar pelancongan Negeri Kelantan melalui penganjuran acara komuniti yang berjaya menarik kehadiran peserta dan pengunjung dari dalam serta



luar negara,” katanya.

Beliau berkata demikian menerusi hantaran di media sosial rasminya selepas merasmikan Kejohanan Seni Suara Burung Ketitir dan Terkukur Peringkat Parlimen Pasir Puteh yang berlangsung di Bong Seri Limbongan pada 2 Mei.

Turut hadir, Ahli Parlimen Pasir Puteh YB Datuk Nik Zawawi Salleh.

Selain penyertaan antarabangsa, kejohanan itu turut menghimpunkan peserta dari Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Terengganu sekali gus menjadikan Pasir Puteh sebagai tumpuan peminat seni suara burung dari seluruh negara.

Datuk Kamarudin berkata perkembangan tersebut membuktikan acara berasaskan komuniti mampu menjadi platform berkesan untuk mempromosikan Kelantan sebagai destinasi pelancongan yang kaya dengan kepelbagaian budaya, warisan dan aktiviti rekreasi.

Menurutnya, program seumpama itu turut membuka ruang kepada peserta dan pengunjung untuk mengeratkan hubungan persaudaraan serta berkongsi pengalaman dan pengetahuan mengenai seni suara burung.

“Apabila peserta dari dalam dan luar negara sanggup hadir ke Kelantan untuk menyertai kejohanan seperti ini, ia membuktikan



acara komuniti mempunyai daya tarikan tersendiri dan berpotensi menjadi antara produk pelancongan yang boleh terus diperkaskan,” ujarnya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada pihak penganjur atas kejayaan menganjurkan kejohanan tersebut dan berharap ia terus berkembang sebagai acara tahunan yang dinanti-nantikan peminat seni suara burung di rantau ini.

Tambahnya, kesinambungan penganjuran kejohanan itu diyakini mampu memperkukuh sektor pelancongan negeri serta mengangkat nama Kelantan sebagai destinasi pilihan bagi penganjuran acara komuniti bertaraf serantau.

20 wasi di Mengkebang terima sumbangan Skim Khairat Kifaalah



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KUALA KRAI, 14 Julai — Sebanyak 20 wasi (waris si mati) di DUN Mengkebang menerima sumbangan sekali beri (one-off) berjumlah RM1,000 seorang menerusi Skim Khairat Kifaalah Kerajaan Negeri Kelantan dalam majlis yang berlangsung di Pusat Khidmat DUN Mengkebang, semalam.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Mengkebang YB Zubir Abu Bakar berkata, skim tersebut merupakan

antara inisiatif kebajikan Kerajaan Negeri Kelantan bagi membantu meringankan beban waris yang kehilangan ahli keluarga, sekali gus membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap rakyat yang memerlukan.

Beliau berkata demikian dalam media sosial selepas merasmikan Majlis Penyampaian Sumbangan Skim Khairat Kifaalah di Pusat Khidmat DUN Mengkebang, semalam.

Menurutnya, bantuan yang

disalurkan bertujuan memberi sokongan dari sudut kewangan dan sebagai tanda kebersamaan dan keprihatinan Kerajaan Negeri dalam menyantuni rakyat ketika berdepan saat sukar.

Di samping itu, YB Zubir turut mengingatkan masyarakat, setiap manusia pasti akan melalui saat kematian yang tidak dapat dielakkan dan tiada seorang pun mengetahui bila serta di mana ajal akan menjemput.

“Kematian itu pasti, tidak akan diawalkan atau dilewatkan wa-

laupun sesaat. Tiada seorang pun mengetahui bila, di mana dan bagaimana saat itu akan tiba.

“Orang yang bijaksana ialah mereka yang sentiasa beringat dan bersedia dengan iman, amal soleh, taubat yang berterusan serta akhlak yang baik,” katanya.

Beliau berharap Skim Khairat Kifaalah akan terus memberi manfaat kepada rakyat yang memerlukan, di samping memperkukuhkan agenda kebajikan Kerajaan Negeri dalam memastikan kesejahteraan masyarakat sentiasa terpelihara.



Kerajaan disaran wujudkan **Majlis Perundingan** tentukan harga padi, beras - Dato' Siti Zailah



Oleh: Asri Hamat

KUALA LUMPUR, 14 Julai - Kerajaan disaran menubuhkan Majlis Perundingan Harga Padi dan Beras Negara yang dianggotai wakil pesawah, pengilang, pengguna, ahli akademik serta kerajaan bagi memastikan setiap keputusan mengenai penetapan harga padi dan beras dibuat secara lebih menyeluruh dan mengambil kira kepentingan semua pihak.

Ahli Parlimen Rantau Panjang YB Dato' Siti Zailah Mohd Yusoff berkata majlis itu penting bagi memastikan penetapan harga mengambil kira kepentingan semua pihak yang terbabit.

Menurutnya, penetapan harga

dibuat hendaklah mengambil kira kos sebenar yang ditanggung oleh pesawah termasuk kenaikan harga baja, racun, benih dan kos pembajakan, selain margin keuntungan pengilang serta pemborong dan kemampuan pengguna.

“Jika harga maksimum yang terlalu rendah akan menyebabkan pesawah menanggung kerugian, manakala harga yang terlalu tinggi pula akan membebankan pengguna,” katanya ketika membahaskan Rang Undang-Undang (RUU) berkaitan pindaan Akta Kawalan Padi dan Beras di Dewan Rakyat, semalam.

Menyentuh tentang cadangan untuk menaikkan penalti sehingga RM1 juta terhadap syarikat yang melakukan kesalahan berulang, Dato' Siti Zailah menyambut baik cadangan tersebut namun mempersoalkan sama ada hukuman lebih berat sebegitu mampu menjamin pematuhan.

Beliau berpandangan, hukuman yang tinggi tidak akan memberi kesan sekiranya pemeriksaan jarang dilakukan, audit tidak konsisten,

pendakwaan mengambil masa terlalu lama dan penguatkuasaan hanya dijalankan secara bermusim.

Sehubungan itu, beliau meminta kementerian menjelaskan jumlah pegawai penguat kuasa yang berada di lapangan, jumlah operasi pemeriksaan bulanan, bilangan kilang yang diperiksa, jumlah syarikat yang didakwa serta lesen yang dibatalkan setakat ini.

“Sekiranya angka berkenaan masih rendah, pindaan undang-undang itu tetap lemah dari segi pelaksanaannya,” katanya.

Selain itu, beliau mencadangkan supaya syarikat yang disabitkan kesalahan di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras disenarai hitam daripada menerima kontrak kerajaan atau lesen baharu bagi tempoh tertentu.

Dato' Siti Zailah turut menzahirkan kebimbangan apabila terlalu banyak perkara asas diserahkan kepada kuasa menteri melalui peraturan seperti pelesenan pembeli padi, penetapan gred beras, kawalan harga, kawalan pemindahan padi dan beras melalui peraturan.

“Saya bimbang apabila terlalu banyak perkara asas ini diserahkan kepada kuasa menteri melalui peraturan, kita bimbang tidak berlaku keadilan.

“Saya berharap perkara itu dibentangkan di Parlimen supaya dapat diteliti oleh semua Ahli Parlimen selaras dengan prinsip semak dan imbang,” tegasnya.

Dalam pada itu, beliau juga mencadangkan supaya setiap pengecualian iaitu kebenaran yang diberikan oleh pihak berkuasa kepada individu, syarikat atau sesuatu urusan untuk tidak tertakluk kepada peruntukan tertentu di bawah akta berkenaan hendaklah disertakan dengan alasan bertulis, direkodkan dan diterbitkan secara terbuka, selain laporan tahunan semua pengecualian dibentangkan di Parlimen.

Di samping itu, beliau mengesyorkan supaya mana-mana syarikat yang disabitkan kesalahan di bawah akta itu tidak diberi pengecualian sewenang-wenangnya bagi mengelakkan penyalahgunaan kuasa.

YB Mohd Rusli santuni 136 pelajar DUN Wakaf Bharu berjaya ke IPTA

Oleh: Syamimi Manah

TUMPAT, 14 Julai – Ahli Dewan Negeri (ADN) Wakaf Bharu YB Mohd Rusli Abdullah menyantuni 136 pelajar cemerlang yang bakal melanjutkan pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) menerusi Majlis Meraikan Pelajar Cemerlang dan Pelajar ke IPTA DUN Wakaf Bharu 2026 di Wisma Purnama, Wakaf Bharu, semalam.

YB Mohd Rusli berkata, penganjaran program tahunan itu merupakan tanda penghargaan dan sokongan DUN Wakaf Bharu terhadap anak-anak yang telah membuktikan kesungguhan dalam pelajaran, selain memberi suntikan semangat sebelum mereka melangkah ke alam pengajian tinggi.

Menurutnya, kejayaan yang dicapai menjadi kebanggaan peribadi, ibu bapa, guru, sekolah dan seluruh masyarakat di DUN Wakaf Bharu.



“Tahniah kepada semua adik-adik atas kejayaan yang diraih, juga buat ibu bapa dan guru-guru yang tidak pernah jemu memberi dorongan. Kejayaan ini bukan sahaja membanggakan diri dan keluarga, malah turut mengharumkan nama sekolah serta DUN Wakaf Bharu,” katanya di laman rasmi, semalam.

Tambahnya, generasi muda merupakan aset paling bernilai kepada negeri dan negara yang perlu terus diperkasakan melalui pendidikan bagi melahirkan modal insan berkualiti.

Beliau turut menyeru para pelajar agar memanfaatkan peluang menimba ilmu sebaik mungkin serta kembali menyumbang kepada keluarga, masyarakat dan negeri selepas menamatkan pengajian.

“Anak-anak inilah aset paling bernilai buat negeri dan negara. Terus melangkah dengan yakin, rebut setiap peluang untuk menimba ilmu, membina masa depan yang lebih baik, seterusnya kembali menyumbang kepada keluarga, masyarakat dan tanah air,” ujarnya.



Pada majlis itu, setiap pelajar menerima sijil penghargaan dan sumbangan wang tunai sebagai tanda pengiktirafan atas pencapaian mereka serta galakan untuk terus mengekalkan kecemerlangan dalam pengajian.

YB Mohd Rusli berharap inisiatif berkenaan dapat menjadi pembakar semangat kepada para pelajar untuk terus mengejar kecemerlangan akademik dan menjadi generasi berilmu yang mampu menyumbang kepada pembangunan negeri Kelantan dan negara pada masa hadapan.

300 armalah, 100 anak yatim DUN Guchil terima sumbangan kerajaan negeri

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KUALA KRAI, 13 Julai – Sejumlah 400 penerima terdiri daripada 300 armalah (ibu tunggal) dan 100 anak yatim menerima sumbangan menerusi Majlis Penyampaian Sumbangan Ad Hoc Fasa 2 Peringkat DUN Guchil, sekali gus mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri Kelantan dalam memelihara kebajikan golongan memerlukan.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar merangkap Ahli Dewan Negeri (ADN) Guchil YB Hilmi Abdullah berkata, program kebajikan seumpama itu merupakan antara usaha yang sentiasa diperkasakan bagi memastikan golongan armalah dan anak yatim terus mendapat perhatian serta pembelaan sewajarnya.

Menurutnya, kehadiran 400 penerima dan masyarakat setempat yang memenuhi dewan menjadi bukti semangat kebersamaan dan kasih sayang masih subur dalam masyarakat.

“Program kebajikan seperti ini merupakan antara legasi yang diperkasakan oleh Almarhum Tuan Guru



Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat yang sentiasa menekankan bahawa pemerintahan menurut Islam bukan sekadar membangunkan infrastruktur dan bangunan semata-mata.

“Sebaliknya, keutamaan sebenar adalah memelihara kebajikan insan yang memerlukan. Dalam falsafah Membangun Bersama Islam, golongan armalah dan anak yatim wajib diberi perhatian agar mereka merasa kasih sayang kerajaan dan masyarakat,” katanya.

Beliau berkata demikian menerusi media rasminya selepas menyampaikan sumbangan berkenaan yang berlangsung di Dewan Tuan Guru Haji Abdul Rahman, Sungai

Durian, semalam.

“Golongan armalah dan anak yatim perlu sentiasa disantuni kerana mereka adalah sebahagian daripada amanah masyarakat yang wajib dipelihara bersama.

“Apabila kita menghulurkan bantuan dan berkongsi rezeki dengan mereka yang memerlukan, ia bukan sahaja meringankan beban kehidupan, bahkan menjadi asbab turunnya rahmat dan keberkatan kepada masyarakat,” jelasnya.

Dalam pada itu, YB Hilmi berharap sumbangan yang disampaikan dapat memberikan sedikit kegembiraan dan membantu meredakan beban para penerima.

Beliau turut merakamkan peng-



hargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program berkenaan serta kepada setiap individu yang terus menghulurkan bantuan kepada golongan memerlukan.

Katanya lagi, usaha memperkasakan kebajikan masyarakat perlu diteruskan secara kolektif agar DUN Guchil terus menjadi sebuah komuniti yang penyayang, saling menyantuni dan sentiasa memelihara kebajikan golongan yang memerlukan.

“Semoga setiap usaha kebajikan yang dilaksanakan diterima sebagai amal soleh dan menjadi asbab kepada turunnya rahmat serta keberkatan kepada Negeri Kelantan dan seluruh rakyatnya,” ujarnya.

NF Growth Minds Development bincang penerbitan media strategik bersama Exco Kelantan



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 13 Julai — NF Growth Minds Development mengadakan kunjungan hormat ke pejabat Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Kelantan YB Datuk Kamaruddin Md Nor bagi membincangkan cadangan penerbitan media strategik untuk memperkukuh promosi potensi Negeri Kelantan di peringkat

kat nasional dan antarabangsa.

Kunjungan yang diketuai Pengarah Urusan NF Growth Minds Development Nik Fazirudean Ibrahim Dato' Khairi itu memfokuskan usaha membangunkan kandungan media yang mampu menampilkan kekuatan negeri secara lebih menyeluruh dan berimpak.

Sehubungan itu, Datuk Kamaruddin berkata, perbincangan tersebut turut menyentuh pen-



dekatan kreatif dalam menegenahkan potensi Kelantan dari aspek ekonomi, kepelbagaian budaya serta komitmen terhadap pembangunan lestari.

Menurutnya, cadangan penerbitan itu memberi tumpuan kepada tiga tema utama, iaitu Kelantan Lonjakan Ekonomi, Kelantan Keberagamaan Budaya dan Kelantan Lestari.

“Inisiatif ini dilihat mam-

pu memperkenalkan keunikan industri warisan, keharmonian masyarakat berbilang kaum, potensi eko-pelancongan serta pembangunan hijau yang menjadi antara kekuatan negeri Kelantan,” katanya menerusi media sosial, pada Ahad.

Beliau berharap perbincangan tersebut menjadi titik permulaan kepada kerjasama strategik yang lebih erat dalam memperkasakan promosi Negeri Kelantan melalui penerbitan media yang lebih kreatif dan berkesan.

Tambahnya, pendekatan itu diyakini mampu memperluaskan pengiktirafan terhadap potensi Kelantan serta meningkatkan daya tarikan negeri sebagai destinasi pelancongan, pelaburan dan pembangunan lestari di peringkat nasional serta antarabangsa.

Aksesibiliti PKD medium efisien interaksi rakyat-pemimpin - YB Ahmad Zakhran

Oleh: Irham Hilmi Hashim

MACHANG, 13 Julai — Aksesibiliti rakyat untuk berhubung dengan pemimpin terus menjadi keutamaan di Dewan Negeri (DUN) Kemuning menerusi pemerkasaan Pejabat Pusat Khidmat DUN (PKD) dan pelaksanaan program turun padang sebagai medium interaksi yang mudah, pantas dan berkesan.

Ahli Dewan Negeri Kemuning YB Ahmad Zakhran Mat Noor berkata, pendekatan tersebut penting bagi memastikan rakyat mempunyai saluran yang mudah untuk menyampaikan aduan, pandangan dan cadangan secara terus kepada wakil rakyat.

Menurutnya, selain menjadikan PKD sebagai pusat sehati perkhidmatan kepada masyarakat, pelbagai program lapangan turut dilaksanakan bagi mendekati rakyat di peringkat akar umbi.

“Aksesibiliti merupakan perkara yang dititikberatkan oleh saya sebagai ADN bagi membolehkan



interaksi antara rakyat dengan pemimpin berlaku melalui saluran yang mudah dan efisien.

“Selain menyediakan Pejabat Pusat Khidmat DUN yang berfungsi sebagai medium utama, saya juga menjadikan program-program turun padang sebagai medan pertemuan dengan rakyat setempat,” katanya menerusi media sosial selepas menghadiri Program Bicara Wanita di Mukim Pek, semalam.

Beliau berkata, Program Bicara Wanita anjuran Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan mem-

beri peluang untuk beliau mendengar sendiri pandangan, permasalahan dan keperluan masyarakat.

“Melalui Program Bicara Wanita ini, saya dapat mengambil peluang dan ruang yang ada untuk mendengar serta berbincang dengan masyarakat berkenaan masalah atau penjelasan yang dikehendaki oleh mereka,” katanya.

Menurutnya, program seumpama itu bukan sahaja mengeratkan hubungan antara rakyat dan pemimpin, malah menjadi platform penting bagi memahami keperluan sebenar masyarakat sebelum ses-

uatu tindakan atau penyelesaian dirangka.

Program Bicara Wanita dilaksanakan sebanyak sepuluh siri di setiap DUN menerusi penyelarasan Majlis Perundingan Wanita Parlimen (MPWP) di kawasan masing-masing.

Beliau berkata, penganjuran program secara berterusan mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri dalam memastikan rakyat sentiasa mempunyai ruang untuk menyuarakan pandangan serta memperoleh maklumat secara terus daripada pemimpin.

Dalam pada itu, beliau berharap Program Bicara Wanita dapat memberi manfaat kepada peserta dan terus menjadi wadah memperkukuh hubungan antara pemimpin dan masyarakat.

“Pendekatan turun padang dan interaksi secara langsung ini diharapkan dapat membina komuniti yang lebih sejahtera, prihatin dan saling memahami di DUN Kemuning,” ujarnya.

Boling PKPN 2026 eratkan kebersamaan staf Urus setia Kerajaan Kelantan

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 15 Julai — Program Sukan Boling PKPN 2026 berjaya mengeratkan semangat kebersamaan dalam kalangan staf mewakili 13 Urus setia Kerajaan Negeri Kelantan, sekali gus memperkukuh jaringan silaturahim dan budaya kerja berpasukan warga Perkhidmatan Negeri Kelantan.

Program julung kali anjuran Persatuan Pegawai-Pegawai Kontrak untuk Perkhidmatan Negeri Kelantan (PKPN) itu mendapat sambutan menggalakkan daripada ahlinya dengan penyertaan 100 peserta yang berlangsung di Pusat Boling Mydin Tunjong pada 9 Julai lalu.

Presiden PKPN Ahmad Mustapha Ab Azais berkata, sambutan positif yang diterima membuktikan program berteraskan sukan mampu menjadi medium berkesan dalam memupuk hubungan lebih akrab serta meningkatkan semangat kebersamaan dalam organisasi.

“Kita bersyukur kerana penganjuran sulung Program Sukan Boling PKPN 2026 berjaya mencapai matlamatnya sebagai platform



memperkukuh kebersamaan, meningkatkan semangat berpasukan dan menyemarakkan budaya kerja positif dalam kalangan warga Urus setia Kerajaan Negeri Kelantan.

“Terima kasih kepada Jawatan kuasa Pelaksana dan para peserta atas semangat kebersamaan yang ditonjolkan melalui sambutan yang amat menggalakkan. Kita sedang mempertimbangkan cadangan majoriti peserta supaya Pertandingan Boling PKPN dijadikan acara tahunan,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Menurutnya, program tersebut menjadi platform memperkukuh ukhuwah, meningkatkan kerjasama dan menyemai budaya kerja yang lebih dinamik, harmoni serta progres-

sif dalam kalangan warga PKPN.

“Apabila hubungan sesama warga diperkukuh, komunikasi menjadi lebih terbuka, kerjasama semakin mantap dan akhirnya menyumbang kepada pembentukan organisasi yang lebih cemerlang,” katanya.

Dalam pertandingan itu, Kum-pulan 10 muncul juara selepas mengumpul 1,004 mata menerusi gandingan Che Mohd Irman Ismail, Muhammad Aiman Saipullah, Mohd Zaki Mat Zin dan Wan Zuhairi Wan Sulaiman.

Naib juara menjadi milik Kum-pulan 12 dengan 846 mata yang diwakili Ahmad Irsyad Somad Abdul Bashit, Muhammad Hilmi P. Rame-li, Ahmad Zaharuddin Zaid dan Mus Ab Hilaluddin.



Manakala tempat ketiga pula dimenangi satu lagi pasukan yang mengumpul 800 mata menerusi Wan Ahmad Fathee Wan Abdullah, Muhamad Abdul Aziz Mohamed Zin, Mohd Farmin Mayusoh dan Hafizi Mahadi.

Sementara itu, Penolong Pengarah Urus setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) Che Mohd Irman Ismail dinobatkan sebagai Pemain Terbaik Lelaki selepas mencatat 278 jatuhan pin.

Bagi kategori wanita, gelaran Pemain Terbaik dimenangi Pembantu Tadbir Urus setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan (U-KeKWa) Aimi Munirah Ab Aziz dengan 245 jatuhan pin.

Pasar Terapung Pulau Sri Tanjung contoh kejayaan pelancongan komuniti yang mampan – YB Hilmi Abdullah

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 13 Julai – Pasar Terapung Pulau Sri Tanjung di Tumpat adalah contoh kejayaan pelancongan komuniti yang mampan apabila berjaya menggabungkan pemeliharaan alam sekitar, pemerkasaan warisan budaya serta penjaan ekonomi penduduk setempat dalam membangunkan destinasi pelancongan yang unik di Kelantan.

Demikian kenyataan Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah yang mengiktiraf potensi Pulau Sri Tanjung untuk terus berkembang sebagai produk pelancongan komuniti bertaraf negeri dan nasional dengan sokongan berterusan daripada kerajaan negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Menurutnya, pulau yang merupakan sebahagian daripada Kampung Teluk Renjuna itu terletak di kawasan delta muara Sungai Kelantan yang membentuk 12 buah pulau dan dihuni lebih 500 keluarga, sekali gus menawarkan pengalaman pelancongan berasaskan komuniti yang sukar ditemui di tempat lain.

“Saya melihat Pulau Sri Tanjung mempunyai potensi besar untuk terus berkembang sebagai pro-



duk pelancongan komuniti bertaraf negeri dan nasional.

“Kerajaan negeri bersama Pihak Berkuasa Tempatan akan terus menyokong usaha memperkukuh kemudahan asas, kebersihan, landskap, keselamatan dan promosi supaya lebih ramai pelancong dari dalam dan luar negara memilih Kelantan sebagai destinasi pelancongan pilihan,” katanya di laman rasmi, semalam.

Beliau berkata demikian selepas berkesempatan mengadakan lawatan ke Pulau Sri Tanjung sebaik selesai merasmikan Majlis Pelancaran Fire Point Bomba Komuniti Pulau Teluk Renjuna, Tumpat, pada Sabtu.

Menurutnya, antara tarikan utama di Pulau Sri Tanjung ialah pasar terapung yang menawarkan pengalaman unik apabila pelbagai juadah tradisional, makanan laut segar, kuih-muih tempatan dan

hasil kampung dijual terus dari atas bot.

Tambahnya, konsep pasar terapung itu menjadi tarikan kepada pelancong dan membuka peluang ekonomi kepada penduduk setempat melalui pembangunan pelancongan berasaskan komuniti yang memberi manfaat secara langsung kepada masyarakat.

Selain itu, YB Hilmi berkata pengunjung turut berpeluang menikmati pengalaman menyusuri Sungai Kelantan dengan menaiki bot sambil menghayati panorama hutan bakau, deretan pokok kelapa serta kehidupan masyarakat pesisir sungai yang masih mengekalkan nilai budaya dan tradisi.

Beliau menegaskan pembangunan sektor pelancongan perlu sentiasa diseimbangkan dengan usaha memelihara keindahan alam semula jadi dan warisan tempatan agar kelestariannya dapat dinikmati oleh

generasi akan datang.

“Harapan saya, Pulau Sri Tanjung akan terus menjadi contoh kejayaan pelancongan berasaskan komuniti yang bukan sahaja memelihara keindahan alam dan warisan budaya, malah mampu meningkatkan pendapatan penduduk setempat serta merancakkan ekonomi luar bandar secara mampan,” ujarnya.

Dalam lawatan tersebut, beliau turut merakamkan penghargaan kepada pengusaha tempatan Saidi Mamat @ Ghani atau lebih dikenali sebagai Abe Mat atas usaha membangunkan Pulau Sri Tanjung sebagai destinasi pelancongan sungai yang unik dan membanggakan negeri Kelantan.

Beliau berharap destinasi itu terus menyerlah sebagai antara permata pelancongan sungai yang menjadi kebanggaan negeri serta mampu menarik lebih ramai pelancong dari dalam dan luar negara.



KBHM tawar laluan rata, peluang pelari cipta rekod peribadi



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 15 Julai – Kota Bharu Half Marathon (KBHM) 2026 yang bakal memasuki penganjuran edisi ketiga pada September ini terus menawarkan kelebihan kepada peserta menerusi laluan larian yang rata dengan kadar jumlah pendakian ‘elevation gain’ sekitar 22 meter.



Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Mohamad memaklumkan, laluan berkenaan dijangka memberi peluang kepada pelari, sama ada dalam kategori elit mahupun amatur, untuk mencipta rekod peribadi terbaik (Personal Best) masing-masing.

“Selain memberi cabaran ke-



pada peserta untuk mencatat masa terbaik, KBHM turut menawarkan pengalaman larian yang menggabungkan keindahan bandar dan suasana kampung sekitar Kota Bharu kepada peserta dari pelbagai negeri,” katanya di media sosial pada Selasa.

Terdahulu, beliau menerima kunjungan hormat pengurusan

KBHM di pejabatnya, di Mabana Kompleks Kota Darulnaim semalam.

YB Zamakhshari turut menzahirkan penghargaan kepada jawatankuasa KBHM atas komitmen mereka dalam meningkatkan mutu sukan larian di Kelantan.

“Diharapkan penganjuran KBHM yang dijadual berlangsung pada September ini akan berjalan lancar dan meriah,” katanya.

Acara yang bakal berlangsung pada 5 September ini membabitkan tiga kategori iaitu 21 kilometer (km), 10km dan 5km yang bermula di Dewan Jubli Perak, Padang Perdana Kota Bharu.

500 peserta jayakan Tumpat Fit dan Fun Walk, budaya hidup sihat perlu diteruskan – YB Mohd Adanan

Oleh: Syamimi Manah

TUMPAT, 13 Julai – Penyertaan 500 peserta dalam program Tumpat Fit dan Fun Walk 2026 membuktikan sambutan positif masyarakat terhadap aktiviti riadah sekali gus memperlihatkan budaya hidup sihat perlu terus diperkasakan menerusi penganjuran program komuniti secara berterusan.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Kelaboran YB Mohd Adanan Hassan berkata program berkonsepkan jalan santai itu memberi manfaat kepada kesihatan fizikal dan menjadi wadah memperkukuhkan perpaduan dan mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan masyarakat.

Beliau berkata, usaha membudayakan gaya hidup sihat amat penting memandangkan hampir separuh rakyat Kelantan berdepan masalah berat badan berlebihan atau obesiti.

“Terima kasih kepada semua yang menyahut seruan Majlis Daerah



ah Tumpat untuk hadir menjayakan program ini. Penyertaan 500 peserta membuktikan masyarakat semakin sedar akan kepentingan menjaga kesihatan melalui aktiviti riadah seperti ini,” katanya ketika merasmikan program di Padang Kemahkotaan Pata Ndo, di sini, pada Sabtu.

Beliau berkata, selain meningkatkan tahap kesihatan, program sumpama itu turut menjadi platform terbaik untuk memupuk semangat perpaduan serta mewujudkan suasana harmoni dalam komuniti.

“Program seperti ini bukan sahaja baik untuk kesihatan, malah

mampu memupuk semangat perpaduan, mengeratkan silaturahim dan memberi kegembiraan kepada masyarakat.

“Kerajaan Negeri sentiasa mengalu-alukan lebih banyak program seperti ini diadakan, terutama bersempena sambutan hari-hari kebesaran,” ujarnya.

Menurutnya, pihak DUN Kelaboran turut merancang untuk menganjurkan satu lagi program riadah sempena Sambutan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos sebagai kesinambungan usaha membudayakan gaya hidup sihat dalam kalangan

masyarakat.

Sementara itu, pihak Majlis Daerah Tumpat memaklumkan bahawa Tumpat Fit dan Fun Walk 2026 merupakan salah satu siri Program Kemampanan Komuniti Bandar (PKKB) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Program tersebut berjaya menarik ratusan peserta dari sekitar Tumpat dan luar daerah yang berpeluang menikmati suasana nyaman pada waktu pagi sambil melalui laluan di sekitar Bandar Tumpat dan Bandar Bentara Tumpat.

Jadikan falsafah Islam teras RUU Profesion Kerja Sosial - Dato' Siti Zailah



Oleh: Asri Hamat

KUALA LUMPUR, 15 Julai — Ahli Parlimen Rantau Panjang YB Dato' Siti Zailah Mohd Yusoff menggesa Kerajaan Persekutuan agar menjadikan falsafah Islam sebagai teras pelaksanaan Rang Undang-Undang (RUU) Profesion Kerja Sosial bagi memastikan profesion itu dipandu oleh nilai amanah, ihsan, keadilan, rahmah serta pemeliharaan maruah manusia.

Beliau berkata, nilai-nilai tersebut bukan sahaja menepati tuntutan Islam malah wajar menjadi asas dalam pembentukan piawaian profesion kerja sosial di negara ini.

“Kita mahukan pekerja sosial yang bersifat amanah, ihsan, adil,

rahmah, pemeliharaan maruah manusia dan pencegahan kemudaratan. Semua ini sebenarnya selaras dengan kehendak Islam.

“Jadi saya mencadangkan supaya falsafah Islam dijadikan falsafah utama dalam pelaksanaan ini,” katanya ketika membahaskan RUU Profesion Kerja Sosial di Dewan Rakyat, semalam.

RUU tersebut dibentangkan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat YB Dato' Sri Nancy Shukri bagi mengadakan peruntukan penubuhan Majlis Profesion Kerja Sosial Malaysia untuk mengawal selia pengamal kerja sosial, pelatih kerja sosial serta perkhidmatan kerja sosial di negara ini di Dewan Rakyat, pada Selasa.

Menurut Dato' Siti Zailah, Malaysia masih jauh ketinggalan berbanding negara maju dari segi nisbah pekerja sosial kepada penduduk iaitu seorang pekerja sosial bagi setiap 8,576 penduduk.

Sehubungan itu, beliau berharap RUU berkenaan dapat menarik lebih ramai rakyat menyertai profesion

kerja sosial di samping menyediakan perlindungan sewajarnya kepada pengamalannya tanpa mewujudkan beban peraturan yang berlebihan.

“Negara kita sebenarnya terhutang budi kepada pekerja sosial di seluruh negara. Mereka membantu mangsa penderaan, mendampingi warga emas yang ditinggalkan, menyantuni keluarga miskin, mengurus anak-anak terabai dan berhadapan dengan penagih dadah.

“Mereka melaksanakan tugas yang berat ini bukan kerana nama atau ganjaran, tetapi kerana keikhlasan membantu masyarakat,” katanya.

Beliau turut meminta penjelasan kerajaan mengenai skop pemakaian akta itu termasuk pihak yang diwajibkan berdaftar di bawah Majlis Profesion Kerja Sosial Malaysia.

peruntukan akta tersebut.

Beliau menegaskan matlamat utama RUU itu seharusnya melahirkan lebih ramai pekerja sosial yang kompeten, berintegriti dan yakin melaksanakan amanah, bukannya mewujudkan lebih banyak prosiding tatatertib.

Dalam masa sama, beliau menggesa kerajaan memperkukuh perlindungan terhadap pekerja sosial yang berdepan tekanan emosi, trauma, risiko tindakan undang-undang dan ancaman keselamatan ketika menjalankan tugas.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan penyediaan perlindungan insurans profesional, bantuan guaman, jaminan keselamatan ketika menjalankan intervensi, sokongan psikologi, latihan berterusan yang ditanggung kerajaan serta laluan pembangunan kerjaya yang lebih jelas.

“Jangan sampai kita terlalu sibuk menjaga kebajikan masyarakat sehingga terlupa menjaga kebajikan mereka yang menjaga kebajikan orang lain,” ujarnya.

Fire Point Telok Renjuna bantu kesiapsiagaan komuniti hadapi kebakaran

Oleh: Irham Hilmi Hashim

TUMPAT, 12 Julai — Penubuhan Fire Point oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) di Masjid Telok Renjuna adalah langkah strategik dalam membantu kesiapsiagaan komuniti, sekali gus membolehkan tindakan awal diambil sekiranya berlaku kebakaran sementara menunggu ketibaan pasukan bomba dari bandar Tumpat.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata kemudahan itu amat signifikan memandangkan Pulau Telok Renjuna hanya boleh diakses melalui laluan air, sekali gus menjadikan faktor masa sebagai elemen kritikal ketika menghadapi kecemasan.

“Dalam situasi kebakaran, kelewatan beberapa minit sahaja boleh merisikokan kehilangan nyawa dan kemusnahan harta benda.

“Justeru, penubuhan Fire Point oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) di Telok Renjuna merupakan satu langkah yang sangat strategik dan tepat bagi membolehkan tindakan awal diambil sementara menunggu ketibaan pasukan bomba dari bandar Tumpat,” katanya.

Beliau berkata demikian me-



nerusi hantaran di media sosial rasminya selepas merasmikan Fire Point Masjid Telok Renjuna, semalam.

Menurutnya, Fire Point yang dilengkapi peralatan asas pemadaman kebakaran akan membolehkan anggota Bomba Komuniti melaksanakan tindakan awal bagi mengawal kebakaran sebelum ketibaan pasukan penyelamat.

Beliau berkata pemilihan Masjid Telok Renjuna sebagai lokasi Fire Point juga amat bertepatan kerana institusi masjid sejak zaman Rasulullah SAW bukan sahaja berperanan sebagai pusat ibadah, malah menjadi pusat penyatuan ummah, kebajikan dan pengurusan masyarakat.

“Pada hari ini, peranan masjid terus berkembang apabila turut berfungsi sebagai pusat kesiapsiagaan

bencana dan pusat pemindahan bagi membantu masyarakat menghadapi situasi kecemasan,” ujarinya.

Tambahnya, usaha memperkaskan fungsi masjid itu diperkukuh menerusi penubuhan pasukan Bomba Komuniti Telok Renjuna yang dipimpin oleh imam masjid sendiri, sekali gus mencerminkan semangat kebersamaan serta tanggungjawab sosial dalam kalangan penduduk.

Dalam pada itu, beliau berharap kemudahan yang disediakan dapat dipelihara sebaik-baiknya oleh anggota Bomba Komuniti dan seluruh penduduk sebagai amanah bersama.

“Fire Point ini bukan sekadar sebuah stor menyimpan peralatan tetapi merupakan lambang budaya pencegahan, kesiapsiagaan dan semangat gotong-royong dalam menjaga keselamatan komuniti,” jelas-

ya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua ahli Bomba Komuniti Telok Renjuna yang tampil secara sukarela memikul tanggungjawab membantu menjaga keselamatan penduduk setempat.

Katanya, penyertaan sukarelawan dalam pasukan tersebut membuktikan semangat keprihatinan masyarakat yang tinggi dalam memastikan komuniti sentiasa bersedia menghadapi sebarang kemungkinan.

Sehubungan itu, beliau berharap lebih ramai golongan belia dan penduduk setempat tampil menyertai pasukan Bomba Komuniti bagi memperkukuh daya tahan komuniti serta menjadikan Telok Renjuna sebagai contoh masyarakat yang sentiasa bersedia menghadapi bencana dan kecemasan.

Kelantan -MyIPO teroka kerjasama strategik bangunkan inovasi pertanian



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 15 Julai — Kerajaan Negeri Kelantan menerusi Pejabat Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi meneroka kerjasama strategik dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) bagi memperkasa pembangunan penyelidikan, inovasi dan perlindungan harta intelek dalam sektor pertanian serta industri agromakanan.

Exco Pertanian, Industri Agro-



makanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata kerjasama tersebut berpotensi mempercepat pembangunan penyelidikan berimpak tinggi yang mampu meningkatkan nilai tambah serta daya saing sektor pertanian negeri.

Menurutnya, aspek perlindungan harta intelek perlu diberi perhatian bagi memastikan setiap hasil penyelidikan dan inovasi yang dibangunkan dapat dimanfaatkan

secara optimum serta mempunyai potensi untuk dikomersialkan.

Beliau memaklumkan, pertemuan itu membuka ruang kepada kedua-dua pihak membincangkan potensi kerjasama strategik dalam bidang penyelidikan, inovasi dan perlindungan harta intelek khususnya yang melibatkan sektor pertanian dan industri agromakanan.

Katanya, antara fokus utama perbincangan ialah memperkukuh kerjasama antara Pejabat Exco Per-

tanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Negeri Kelantan dengan MyIPO dalam membangunkan penyelidikan berasaskan harta intelek.

“Usaha ini diharapkan dapat meningkatkan nilai inovasi, memperkukuh daya saing serta memperluaskan potensi pengkomersialan hasil penyelidikan demi manfaat sektor pertanian negeri,” katanya menerusi hantaran di media sosial rasminya selepas menerima kunjungan hormat Timbalan Ketua Pengarah Operasi MyIPO Razhuan Husin bersama rombongan di Mabna, semalam.

Beliau optimis jalinan kerjasama tersebut menjadi pemangkin kepada pembentukan ekosistem pertanian yang lebih inovatif, berdaya saing dan mampan, sekali gus menyokong pembangunan sektor agromakanan serta merencanakan pertumbuhan ekonomi Kelantan.

ADN Kemahang sumbang lapan kipas kepada SMU Riayatul Diniah Bukit Mas

Oleh: Syamimi Manah

TANAH MERAH, 15 Julai — Ahli Dewan Negeri (ADN) Kemahang YB Mejar (B) Dato' Anizam Ab Rahman menyumbangkan lapan unit kipas baharu kepada Sekolah Menengah Ugama (SMU) (A) Riayatul Diniah Bukit Mas bagi meningkatkan keselesaan warga sekolah menggunakan dewan terbuka institusi berkenaan.

Beliau yang juga Exco Kerajaan Negeri Kelantan berkata, sumbangan itu diharap dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelajar dan guru yang menggunakan dewan untuk pelbagai aktiviti pembelajaran, perhimpunan, ceramah, majlis rasmi serta program sekolah.

Menurutnya, pemasangan kipas tersebut akan mewujudkan suasana yang lebih selesa khususnya ketika cuaca panas sekali gus menyokong



proses pembelajaran dan penganjuran aktiviti sekolah dalam persekitaran yang lebih kondusif.

“Kemudahan yang baik akan membantu mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif untuk semua. Walaupun sumbangan ini kelihatan sederhana, ia memberi impak yang besar kepada keselesaan dan kebajikan warga sekolah,” katanya menerusi laman rasmi, pada Isnin.

Beliau berkata sebagai wakil Kerajaan Negeri Kelantan, pihaknya akan terus komited menyokong usaha memperkasakan institusi pendidikan melalui penyediaan kemudahan asas yang diperlukan.

Tambahnya penyediaan infrastruktur yang selesa merupakan antara usaha berterusan kerajaan negeri dalam memastikan kebajikan warga sekolah sentiasa diberi

perhatian di samping menyokong pembangunan modal insan berkualiti.

“Semoga kemudahan ini dimanfaatkan sebaiknya oleh seluruh warga SMU (A) Riayatul Diniah Bukit Mas. Mudah-mudahan segala usaha yang dilakukan menjadi amal kebajikan serta menyumbang kepada kecemerlangan pendidikan dan pembangunan modal insan,” ujarnya.



YB Mohd Adanan santuni 16 pelajar cemerlang STPM menerusi ziarah ke rumah



Oleh: Syamimi Manah

TUMPAT, 15 Julai — Ahli Dewan Negeri (ADN) Kelaboran YB Mohd Adanan Hassan menyantuni sebanyak 16 pelajar Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2025 yang memperoleh Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) 4.00 menerusi program ziarah rumah ke rumah selama tiga hari di sekitar DUN Kelaboran.

Program yang berlangsung dari 7 hingga 9 Julai itu diadakan sebagai tanda penghargaan terhadap kecemerlangan akademik para pelajar di samping memberi semangat kepada mereka untuk meneruskan kecemerlangan di peringkat pengajian tinggi.

Sepanjang program tersebut YB Mohd Adanan mengunjungi kediaman pelajar di tujuh mukim iaitu Jubakar Pantai, Kelaboran, Kubur Datok, Kok Keli, Pulau Besar, Kampung Besut dan Pulau Seratus.

Beliau berkata, kejayaan memperoleh PNGK 4.00 bukan sahaja menjadi kebanggaan kepada pelajar, malah merupakan hasil pengorbanan ibu bapa serta keluarga yang sentiasa memberikan sokongan dan dorongan sepanjang tempoh pembelajaran.

“Alhamdulillah, tahniah buat pelajar yang berjaya. Sesungguhnya kejayaan ini adalah penguat semangat bagi ibu bapa mereka dan

keluarga,” katanya di laman sosial rasmi, semalam.

Menurutnya, terdapat dalam kalangan pelajar yang bakal menjadi mahasiswa dan mahasiswi, malah ada yang bakal menjadi individu pertama dalam keluarga melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi.

Beliau berharap kejayaan tersebut menjadi pemangkin untuk mereka terus mencipta kecemerlangan serta mengharumkan nama keluarga, negeri dan negara pada masa hadapan.

YB Mohd Adanan turut menegaskan, kekurangan dari segi latar belakang keluarga bukan penghalang untuk mencapai kecemerlangan apabila terdapat pelajar

yang berasal daripada keluarga kurang berkemampuan namun tetap berjaya memperoleh PNGK 4.00 hasil kesungguhan serta penekanan terhadap pendidikan.

“Walaupun sesetengah pelajar ini berasal daripada keluarga serba kekurangan, namun pendidikan tetap dititikberatkan. Saya ucapkan tahniah kepada ibu bapa mereka atas segala pengorbanan yang dicurahkan,” ujarnya.

Dalam pada itu, beliau turut menitipkan kata-kata semangat kepada pelajar yang belum memperoleh keputusan seperti diharapkan agar tidak berputus asa kerana perjalanan mereka masih panjang dan peluang untuk berjaya sentiasa terbuka luas.





Kami jaga jenama, nama Kelantan dan imej orang Melayu – CEO Nasken Coffee

Oleh: Syamimi Manah

KUBANG KERIAN, 15 Julai – Pensijilan Halal Malaysia yang diterima 17 cawangan Nasken Coffee menjadi bukti komitmen Nasken Internasional Sdn. Bhd. dalam memperkukuh integriti jenama, menjaga nama Kelantan serta mengangkat imej usahawan Melayu dalam industri makanan dan minuman (F&B).

Ketua Pegawai Eksekutif Nasken Internasional Sdn. Bhd. Mohd Nazif Ab Aziz berkata, usaha mendapatkan pensijilan halal bukan sekadar memenuhi keperluan perniagaan, malah menjadi tanggungjawab syarikat bagi memastikan setiap produk dan operasi mematuhi piawaian Halal Malaysia.

“Kita buat semua ini untuk jaga jenama kita, nama Kelantan dan imej orang Melayu. Pada masa sama, kita mahu maruah kerajaan negeri turut terpelihara melalui pematuhan kepada piawaian halal,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyerahan Pengesahan Sijil Halal Malaysia kepada 17 cawangan Nasken Coffee yang disempurnakan oleh Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud di Nasken Coffee Pasir Tumboh, hari ini.

Menurut Mohd Nazif, proses mendapatkan pensijilan halal



bermula sejak tahun 2022 dan mengambil tempoh yang panjang kerana melibatkan penelitian serta pematuhan terhadap pelbagai syarat yang ditetapkan.

Jelasnya, pensijilan halal yang diterima bukan sahaja melibatkan operasi premis Nasken Coffee, malah merangkumi keseluruhan rantai operasi termasuk gudang penyimpanan, kilang dan kenderaan logistik syarikat.

“Halal yang kita peroleh hari ini bukan setakat melibatkan kedai, tetapi juga warehouse, lori dan kilang. Kita mahu memastikan keseluruhan operasi mematuhi standard halal yang ditetapkan,” ujarinya.

Tambahnya, ketika ini Nasken mempunyai 43 cawangan di seluruh negara dengan 17 cawangan telah menerima Pengesahan Sijil Halal Malaysia, manakala baki cawangan disasarkan memperoleh pensijilan halal sebelum

Oktober tahun ini.

Mohd Nazif yang merupakan Alumni Maahad Muhammadi Lelaki Kota Bharu turut memaklumkan, operasi Nasken di Kelantan merekodkan purata transaksi sekitar RM5,000 sehari dengan RM100,000 sebulan sekali gus mencerminkan sokongan berterusan pelanggan terhadap jenama tersebut.

Beliau turut memaklumkan, Nasken Coffee Pasir Tumboh merupakan cawangan yang mencatatkan jualan tertinggi berbanding semua cawangan Nasken di seluruh negara.

Menurutnya lagi, pencapaian itu membuktikan keyakinan pelanggan terhadap jenama Nasken serta menjadi pemangkin kepada syarikat untuk terus meningkatkan mutu perkhidmatan dan kualiti produk.

Mengulas mengenai cabaran industri makanan dan minuman (F&B), Mohd Nazif berkata sektor

“Kita buat semua ini untuk jaga jenama kita, nama Kelantan dan imej orang Melayu. Pada masa sama, kita mahu maruah kerajaan negeri turut terpelihara melalui pematuhan kepada piawaian halal,”

itu merupakan bidang yang berintensiti tinggi dan memerlukan komitmen berterusan bagi memastikan kualiti produk, kecekapan operasi serta kepercayaan pelanggan sentiasa terpelihara.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada YAB Menteri Besar Kelantan atas sokongan dan dorongan yang diberikan sepanjang proses mendapatkan pensijilan halal, selain mengucapkan terima kasih kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) serta semua agensi berkaitan yang membantu menjayakan usaha tersebut.

Pada masa sama, beliau menghargai sokongan berterusan pelanggan terhadap Nasken dan menyifatkan penerimaan Pengesahan Sijil Halal Malaysia sebagai satu detik penting dalam memperkukuhkan kedudukan jenama syarikat untuk terus berkembang pada masa hadapan.

